

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
JABATAN SENIBINA DALAMAN
APRIL 2009

Adalah disyorkan bahawa Laporan Projek Penyelidikan ini yang disediakan

Oleh

ABU HANIFAH BIN GHAZALI


bertajuk

CADANGAN REKABENTUK DAN MENAIKTARAF
BUTIK PENGANTIN NORMALA SERI ANDAMAN,
LOT 77A JALAN BBP 1, TAMAN BATU BERENDAM PUTRA,
BAGI TETUAN NORMALA BTE MAHAT

Diterima sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat untuk memperolehi Diploma Rekabentuk Dalaman

Penyelia Laporan

:

 1/4/09

En. Othman Bin Hj Mohd Noor

Koordinator Kursus

:

Puan Mawar Bte Masri

Koordinator Program

:

Professor Dr Sabrizaa Bin Abdul Rashid
(Nama)

(Tandatangan/ Tarikh)

ABSTRAK

Kajian tesis ini merupakan satu kajian yang mengkaji dan menganalisa projek akhir jurusan Rekabentuk Dalaman. Tajuk untuk projek akhir yang dipilih ialah Cadangan Rekabentuk Ruang Dalaman Butik Pengantin Normala Ser Andaman. Cadangan projek ini terletak di Lot 77A Jalan BBP 1, Taman Batu Berendam Putra, 75350 Melaka bagi Puan Normala Bte Mahat. Projek ini bertujuan untuk merekabentuk ruang dalaman yang baru bagi butik pengantin dengan mengadunkan imej tradisional Melayu dan senibina rumah tradisional Melayu Melaka. Rekabentuk yang diberi nafas baru ini diharap dapat memberi impak yang positif terhadap pengunjung yang datang. Segala kajian yang terperinci perlu dilakukan sebelum merekabentuk sesuatu ruang moden ke dalam acuan Melayu tradisional Melayu. Beberapa aspek perlu dikaji dan diambilkira bagi memastikan keselesaan kepada dua pihak iaitu kepada pengunjung yang hadir dan kepada pekerja butik sendiri. Cadangan merekabentuk ruang dalaman yang baru bagi butik pengantin adalah satu cara untuk memastikan kelangsungan dan kesinambungan nilai-nilai sejarah dan senibina masyarakat Melayu terus kekal dan utuh. Matlamat butik pengantin ini adalah untuk menjadikan butik pengantin ini sebagai contoh kepada butik pengantin lain dalam menerapkan budaya dan elemen jati diri masyarakat kita sendiri selain memberi perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan yang berkunjung.

ABSTRAK

PENGHARGAAN

ISI KANDUNGAN

SENARAI RAJAH

SENARAI JADUAL

SENARAI GAMBAR

KANDUNGAN

MUKA SURAT

| | | |
|----------------|---|----------|
| BAB 1.0 | PENDAHULUAN | 1 |
| 1.1 | PENGENALAN | 1 |
| | 1.1.1 Definisi Butik | 2 |
| | 1.1.2 Jenis-Jenis Butik | 2 |
| 1.2 | METODOLOGI KAJIAN | 3 |
| 1.3 | MATLAMAT KAJIAN | 5 |
| 1.4 | OBJEKTIF | 6 |
| 1.5 | SKOP KAJIAN | 7 |
| | 1.5.1 Kajian Melalui Internet | 7 |
| | 1.5.2 Kajian Melalui Kaji selidik | 7 |
| | 1.5.3 Kajian Melalui Temubual atau Temu ramah | 7 |

| | | |
|----------------|--------------------------------------|-----------|
| 3.3.3 | Kemudahan | 29 |
| 3.2.4 | Jalan Masuk Dan Cara Ke Tapak Projek | 33 |
| 3.2.5 | Orentasi Bangunan | 35 |
| 3.3 | ANALISA TAPAK | 38 |
| 3.3.1 | Analisa Bangunan Sedia Ada | 39 |
| 3.3.2 | Sistem Bangunan | 40 |
| 3.3.3 | Analisa Ruang | 47 |
| 3.3.4 | Kemudahan Sedia Ada | 51 |
| 3.4 | KESIMPULAN | 63 |
| BAB 4.0 | KAJIAN KES | 64 |
| 4.1 | KAJIAN KES 1 | 65 |
| 4.1.1 | Ruang Dan Konsep | 66 |
| 4.1.2 | Keperluan Ruang | 67 |
| 4.1.3 | Imej Ruang | 68 |
| 4.2 | KAJIAN KES 2 | 73 |
| 4.2.1 | Ruang Dan Konsep | 74 |
| 4.2.2 | Keperluan Ruang | 75 |
| 4.2.3 | Imej Ruang | 76 |
| 4.3 | KAJIAN KES 3 | 83 |
| 4.3.1 | Ruang Dan Konsep | 84 |
| 4.3.2 | Keperluan Ruang | 85 |

BAB 1.0 PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Laporan ini adalah merupakan kursus matapelajaran terakhir bagi syarat penganugerahan Diploma Senibina Rekabentuk Dalaman, Universiti Teknologi Mara. Kursus ini merupakan latihan yang komprehensif tentang seni rekabentuk dalaman, di mana pada tahap ini pelajar dikehendaki menyediakan satu skim reka bentuk yang komprehensif berdasarkan kajian dan pemerhatian yang sensitif terhadap sesuatu isu ataupun permasalahan seni rekabentuk dalaman yang wujud di dalam proses merekabentuk. Laporan ini merupakan laporan cadangan merekabentuk butik pengantin bagi Puan Normala Seri Andaman sebagai tajuk untuk projek akhir Diploma Senibina Rekabentuk Dalaman. Projek ini dipilih bagi memberi impak yang baru dalam susun atur ruang dan suasana yang lebih selesa kepada pelanggan dan pemilik. Pemilihan projek ini adalah untuk menunjukkan pemilihan butik pengantin Melayu dalam menyempurnakan sesebuah majlis perkahwinan.

Butik pengantin Melayu banyak membantu dalam persiapan sesebuah majlis perkahwinan. Dengan adanya butik pengantin Melayu dan perunding-perunding perkahwinan, sesebuah majlis perkahwinan akan menjadi lebih sempurna dan berjalan dengan lebih lancar. Pertumbuhan butik pengantin yang pesat telah menjadikan perniagaan itu salah satu sumber ekonomi yang menguntungkan. Masyarakat kini yang hidup dalam serba moden dan lebih mengutamakan kehidupan yang mudah, ini dapat dilihat apabila sesebuah majlis perkahwinan hendak dijalankan. Masyarakat kita lebih berminat untuk mendapatkan khidmat perunding perkahwinan dari butik pengantin untuk menguruskan segala persiapan majlis tersebut. Perkara yang paling penting adalah sumber kewangan pelanggan itu sendiri.

Kesimpulannya, butik pengantin memainkan peranan penting dalam industri ekonomi masa kini bagi membantu perkembangan industri pakaian dan fabrik di Malaysia.